

MESEJ PERPADUAN DALAM BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA TINGKATAN 4 DAN 5: ANALISIS TERHADAP PERIBAHASA MELAYU

(The Social Unity Message on the Form 4 and 5 Malay Language Textbooks:
Analysis Malay Proverbs)

MOHD MAHZAN AWANG

mahzan@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

NOOR AZAM ABDUL RAHMAN

azamabdulrahman@yahoo.com

Universiti Tenaga Nasional

NORAZIAH MOHD AMIN

tinyfunnybunny7@gmail.com

Universiti Teknologi MARA

ABDUL RAZAQ AHMAD

razaq@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dihantar pada:

21Julai 2014

Diterima pada:

21 April 2015

Koresponden:

mahzan@ukm.edu.my

Abstrak: Artikel ini membincangkan tema-tema yang berkaitan perpaduan dalam peribahasa Melayu yang terkandung dalam buku teks tingkatan 4 dan 5. Peribahasa Melayu dianalisis menggunakan teknik bertema yang melibatkan tiga tahap. Pada tahap pertama melibatkan penyenaraian peribahasa yang terkandung dalam kedua-dua buku teks. Pada tahap kedua, pentafsiran makna peribahasa. Akhirnya, pengekodan tema dikenal pasti. Pentafsiran makna dan pengekodan ini dilakukan oleh tiga orang ahli akademik. Ia dilakukan secara bersama dalam mencapai persetujuan bersama tentang maksud dan kesesuaian tema bagi kesemua peribahasa Melayu yang dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat tema utama iaitu adaptasi sosial, muafakat, jati diri, dan tanggungjawab. Kesemua peribahasa Melayu yang dianalisis memberi penekanan kepada kebersamaan dalam masyarakat termasuklah kepentingan keharmonian kehidupan. Hal ini bererti, pembelajaran peribahasa Melayu bukan sahaja mendidik pelajar tentang ketinggian pemikiran tamadun Melayu malah menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran yang penting bagi memupuk perpaduan kaum. Oleh kerana jumlah peribahasa berkaitan perpaduan dalam buku teks Bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5 adalah sedikit, maka dicadangkan agar dibuat penambahan peribahasa dalam buku teks baru pada masa depan. Penggunaan kamus peribahasa Melayu digital pertama juga perlu diberi penekanan dalam penggubalan buku teks baru Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kata kunci: peribahasa Melayu, perpaduan, Bahasa Malaysia

Abstract: This article discusses emerging themes relating to social unity based on the Malay proverbs that were published in the Form 4 and 5 Malay Language textbooks. The Malay proverbs were analysed using thematic technique that involves three stages. Firstly, all the proverbs relating to social unity were listed and screened. Secondly, the interpretations of the meaning of the proverbs were carried out. Finally, the coding process was carried out to identify the themes. The interpretation and coding activities were carried out by three academicians. It was done together in order to reach a mutual agreement about the meaning and relevance of the themes. The findings show that there are four main themes identified namely, social adaptation, solidarity, self-esteem, and responsibility. Most proverbs emphasize the importance of solidarity in society includes the harmony of life. This means that learning the Malay proverb may be able to educate students about the Malay civilization. It also can be used essential for fostering racial unity in teaching and learning process. Due to the lack of proverbs relating to social-unity in the Malay Language textbooks for Form 4 and 5, there is a need to include more proverbs in the new Malay Language textbooks. The Malay proverb digital dictionary should also be given emphasis in the new textbooks.

Keywords: Malay proverbs, unity, Malay Language, textbooks

PENGENALAN

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, kepentingan kepada perpaduan adalah tunjang utama kepada matlamat pendidikan negara. Bagi tujuan tersebut, para pemimpin negara telah mengusahakan satu sistem pendidikan negara bagi menggantikan sistem pendidikan penjajah. Dalam usaha mereka bentuk sistem pendidikan negara, elemen perpaduan telah dijadikan teras. Bermula dengan Penyata Razak 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961, kesemuanya memberi penekanan kepada perpaduan kaum. Jawatanluasa Kabinet yang ditubuhkan pada tahun 1974 bagi mengkaji semula dasar-dasar dalam pendidikan negara turut memberi perhatian kepada aspek perpaduan.

Lanjutan daripada siri pembangunan dasar pendidikan di Malaysia, telah termaktub Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang menyatakan dengan jelas bahawa pendidikan di Malaysia berperanan penting dalam menjayakan wawasan negara demi untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik. Jelas di sini bahawa kerajaan percaya bahawa perpaduan masyarakat dapat dikecapi melalui pendidikan.

ISU PERPADUAN

Kajian terhadap peribahasa Melayu banyak memfokuskan kepada falsafah bahasa secara terperinci berbanding penggunaannya sebagai sumber rujukan untuk memupuk perpaduan kaum. Umpamanya, kajian oleh Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) memusatkan kajian ap peribahasa Melayu terhadap falsafah pemikiran Melayu dengan mengelompokkan peribahasa kepada metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika.

Kajian Lim Kim Hui (2010) pula memfokuskan kepada peribahasa Melayu dengan mengaitkannya dengan elemen afektif. Kajian tersebut mendapati bahawa peribahasa Melayu berasaskan bahasa semula jadi serta memiliki unsur-unsur bukan logik untuk menyampaikan rasa hati (Lim Kim Hui, 2010). Lantas, beliau menyimpulkan bahawa peribahasa Melayu terhasil daripada rasa hati dan interaksi simbolik dengan anggota tubuh badan yang lain. Kajian tersebut

juga telah mendapati bahawa bangsa Melayu memiliki ketinggian pemikiran dalam mengolahkan kewujudan alam dengan menggunakan bahasa yang puitis.

Namun, sejauhmana kehebatan peribahasa digunakan dalam pembelajaran formal Bahasa Melayu masih menjadi persoalan dan kurang diteroka dalam kajian pendidikan bahasa. Malah, keupayaan guru dan murid untuk menggunakan peribahasa yang sesuai bagi tujuan pembelajaran pelbagai aspek kehidupan masih menjadi isu utama (Supyan, Ding Choo Ming, Afendi & Arba'eyah, 2004). Hal ini kerana terdapat banyak peribahasa Melayu yang memerlukan tafsiran makna secara tepat.

Dalam konteks negara majmuk di Malaysia, banyak kajian menunjukkan bahawa pembelajaran unsur-unsur kesusasteraan dalam bahasa Melayu berupaya mewujudkan asimilasi budaya ke arah pembentukan perpaduan kaum (Lukman 20011; Chew Fong Peng, 2009). Namun, sejauhmana peribahasa Melayu diolah dalam pembelajaran bahasa di sekolah untuk pemupukan perpaduan memerlukan kajian yang mendalam (Chew Fong Peng, 2003 & 2009). Hal ini mungkin berkaitan dengan masalah pengenalpastian makna dalam sesuatu peribahasa.

Walaupun Kamus Peribahasa Melayu digital telah memudahkan pencarian makna peribahasa (Supyan, Ding Choo Ming, Afendi & Arba'eyah 2004), sejauhmana penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu masih menjadi tanda tanya. Maka pembelajaran peribahasa Melayu yang terkandung dalam sumber tradisional yakni buku teks masih menjadi tumpuan para guru. Rentetang daripada itulah, kajian terhadap elemen perpaduan dalam peribahasa Melayu yang terkandung dalam buku teks amat relevan dan perlu dikaji.

PENGUNAAN BUKU TEKS

Buku teks merupakan bahan rujukan rasmi setiap mata pelajaran di peringkat sekolah. Ia adalah sumber utama kepada pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Kepentingan terhadap kemahiran penggunaan buku teks telah mendorong ramai pengkaji lampau untuk membuat penelitian terhadap penggunaan buku teks di sekolah. Abdul Razaq et al. (2013) telah mengkaji kemahiran penggunaan buku teks Sejarah dan

mendapati bahawa majoriti guru memiliki kemahiran yang sederhana dalam penggunaan buku teks.

Kajian terhadap penggunaan buku teks Bahasa Malaysia menunjukkan bahawa majoriti guru mempunyai sikap yang sederhana terhadap penggunaannya terutama dari segi isi kandungan, persembahan serta aktiviti dan latihan (Zamri, Mahidin & Afendi 2011). Malah, penggunaan buku teks dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana. Namun, kajian tersebut telah menunjukkan bahawa penggunaan buku teks dari aspek bahasa dan istilah adalah berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bermakna bahawa buku teks Bahasa Malaysia lebih utama digunakan sebagai bahan rujukan berkaitan bahasa dan istilah.

Walaupun bagaimanapun, kajian tersebut dijalankan terhadap penggunaan buku teks di peringkat rendah serta ia memfokuskan kepada aspek penggunaan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Di samping kajian terhadap aspek penggunaan, terdapat kajian lampau yang memfokuskan kepada isi kandungan buku teks. Dalam kajian Mohd Mahzan et al. (2014) terhadap isi kandungan bagi topik pendudukan Jepun dalam buku teks Sejarah Malaysia dan Indonesia menunjukkan wujud keseragaman dalam pemaparan imej tentera Jepun. Hal ini bermakna, kajian terhadap isi kandungan buku teks juga amat penting dilakukan kerana ia memberi manfaat kepada pemahaman sesuatu isu daripada perspektif yang pelbagai. Namun, kajian terhadap isi kandungan buku teks Bahasa Malaysia terutama berkaitan dengan peribahasa Melayu masih kurang diberi perhatian.

Maka, kajian ini akan memfokuskan kepada peribahasa Melayu berkaitan perpaduan sebagaimana yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu.

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PERPADUAN

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah memperuntukkan dengan jelas bahawa untuk menjayakan Dasar Pendidikan Kebangsaan, penggunaan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar utama adalah teras kepada perpaduan nasional. Malah, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di

sekolah menengah bermula pada tahun 1963 apabila semua mata kursus jurusan sastera di Tingkatan 1 diajar dalam Bahasa Melayu.

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat menyatukan pelbagai kaum apabila hanya satu bahasa digunakan bagi pengajaran subjek-subjek di sekolah (kecuali Bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa) dan para pelajar pelbagai kaum dapat dikumpulkan di dalam satu kelas. Kajian empirikal menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah berbanding Bahasa Inggeris dapat mewujudkan satu identiti nasional di Malaysia.

BAHASA MELAYU SEBAGAI SUBJEK TERAS

Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 mencadangkan supaya Bahasa Kebangsaan atau Melayu diajar mulai Darjah Satu dalam semua sekolah rendah Cina, Tamil dan Inggeris, sama ada bantuan separuh atau sekolah persendirian. Walau bagaimanapun, selaras dengan Akta 1961, sekolah rendah bantuan kerajaan yang menggunakan Bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar dikekalkan. Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kebangsaan mampu menyatukan pelbagai kaum yang bersekolah di situ.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan peraturan yang mewajibkan pengajaran Bahasa Kebangsaan atau Melayu menerusi arahan di bawah Peraturan-Peraturan Khusus (Kursus-Kursus Pengajian) Sekolah 1956. Pengajaran Bahasa Melayu sebagai salah satu matapelajaran di sekolah-sekolah kini serta penekanan kelulusan subjek Bahasa Melayu sebagai syarat layak memperoleh Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia dapat menjadikan pelajar-pelajar bukan Melayu lebih bergaul dengan bangsa Melayu demi menguatkan penggunaan Bahasa Melayu mereka.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KPM 2012) menetapkan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia dibina berasaskan enam tunjang iaitu tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Literasi Sains dan Teknologi; Fizikal dan Estetika; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan.

Berdasarkan prinsipal dan objektif kurikulum Bahasa Malaysia yang telah ditetapkan oleh kementerian tersebut, jelas di sini bahawa pengajaran Bahasa Melayu berperanan menyemai nilai-nilai murni demi melahirkan insan-insan yang cemerlang akhlaknya dan inteleknya. Dalam hal ini, peribahasa adalah wadah penyampaian nasihat, teladan dan nilai-nilai moral kerana fungsinya yang sedemikian (Asmah 2005).

Penglibatan pengajaran peribahasa di dalam kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan sebagainya memberikan implikasi yang luas terhadap kepelbagaian aspek bahasa seperti tatabahasa, perbendaharaan kata, sinteks, semantik, fonologi dan lain-lain.

PERIBAHASA DALAM KURIKULUM BAHASA MELAYU

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, peribahasa dinyatakan sebagai salah satu komponen bahasa yang terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa (KPM 2012). Maka, tumpuan kepada peribahasa adalah salah satu aspek bahasa yang wajib diajar kepada para pelajar kerana ia terkandung di dalam kurikulum bagi subjek berkenaan.

Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KPM 2012), peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Dalam konteks pengajaran Bahasa Malaysia di peringkat sekolah, pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Saranan tersebut menjelaskan bahawa penggunaan peribahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah satu aspek penting untuk memupuk nilai-nilai murni.

Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) berpendapat bahawa peribahasa berfungsi sebagai hukum adat dan nasihat moral dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya. Sebagai contoh, "*hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah*" menyemai kepentingan sikap bekerjasama dan saling berkongsi sesama sendiri di dalam kehidupan bermasyarakat.

KPM (2012) turut menggariskan peraturan sosiobudaya dalam kurikulum Bahasa Malaysia yang merangkumi kesatuan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia. Hal ini bermakna bahawa peribahasa mempunyai kepentingan dari segi pemaparan peraturan sosiobudaya bagi masyarakat di negara ini. Penggunaan peribahasa dalam pengajaran Bahas

a Malaysia dapat merealisasikan tujuan ini. Sebagai contoh, peribahasa "*masuk bakul angkat sendiri*" menunjukkan budaya masyarakat Melayu yang menganjurkan sifat merendah diri berbanding membangga diri. Selain itu, peribahasa, "*alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan*" bukan sekadar mempamerkan jenis makanan (pekasam) yang menjadi sebahagian budaya Melayu tetapi juga menyampaikan mesej tentang pentingnya menyelesaikan sesuatu usaha sehingga berjaya.

Peribahasa telah mempelbagaikan keindahan Bahasa Malaysia terutama di dalam aspek penulisan. Menurut Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), peribahasa mempunyai fungsi dalam mempamerkan pemikiran masyarakat Melayu yang memandang dunia secara kolektif dan kreatif. Pembentukan ayat yang menggunakan peribahasa yang terdapat dalam puisi dan penulisan kreatif menampakkan keindahan dan seni Bahasa Malaysia. Effenndy (2004) berpendapat bahawa peribahasa, yang sememangnya mempunyai nilai estetik yang tinggi, mampu mempertingkatkan nilai estetika sesebuah bahasa lisan atau tulisan.

Penggunaan peribahasa secara tepat akan menonjolkan lagi keindahan Bahasa Malaysia. Ia bukan sahaja memberi nilai estetik, malah mempamerkan kemahiran penutur dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Keindahan peribahasa Melayu dapat dilihat secara terperinci menerusi dua dimensi utama iaitu menerusi kepelbagaian struktur ayat dalam peribahasa serta unsur-unsur sastera dalam peribahasa Melayu.

Keindahan peribahasa Melayu dapat dilihat secara jelas menerusi struktur ayat (sinteks). Za'ba (2002:152) mentakrifkan peribahasa sebagai "*segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya...*"

Konsep peribahasa Za'aba (2002) itu menunjukkan bahawa peribahasa Melayu mempunyai struktur ayat tertentu yang dapat meningkatkan kemahiran penulisan seseorang pelajar. Peribahasa umumnya memiliki keindahan bahasa kerana susunan ayatnya yang tersendiri dan berbeza daripada pengucapan harian. Menurut Brown (1989), peribahasa Melayu lebih cenderung menggunakan kata-kata yang ringkas daripada kata-kata yang panjang berjela-jela.

Ciri keringkasan ayat dalam peribahasa dapat dilihat dari segi unsur elipsis (pengguguran) yang membuatkan ayat menjadi lebih pendek, namun maksud yang ingin disampaikan masih lagi jelas kerana pengguguran hanya berlaku kepada perkataan-perkataan yang kurang membawa maksud pada peribahasa tersebut (Effendy Ahmadi, 2004). Sebagai contoh, "*kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*" berasal daripada ayat lengkap seperti, "(Jika kita) *Kais* (pada waktu) *pagi* (kita akan) *makan* (pada waktu) *pagi*, (jika kita) *kais* (pada waktu) *petang* (kita akan) *makan* (pada waktu) *petang*".

Selain itu, struktur ayat bagi sesetengah peribahasa memiliki gaya perulangan perkataan. Contohnya, "*bukit sama didaki, lurah sama dituruni*" memiliki ulangan perkataan, "sama". Manakala peribahasa, "*resam air, ke air; resam minyak, ke minyak*" mempunyai pengulangan semua perkataan yang terlibat sebanyak dua kali. Pengulangan perkataan di dalam peribahasa menunjukkan bahawa Bahasa Malaysia boleh dipelbagaikan struktur ayatnya. Oleh yang demikian, pelajar bukan sahaja mempelajari peribahasa dan maksudnya semata-mata tetapi juga elemen tatabahasa dapat diberi perhatian.

Unsur-unsur sastera dalam peribahasa Melayu dapat dilihat menerusi elemen keindahan dan gaya penyampaian bahasa yang puitis. Ishak (1990) menyatakan bahawa peribahasa sebagai sebahagian daripada cabang dalam sastera Melayu dan merupakan ikatan bahasa atau puisi Melayu kuno yang bernilai sastera. Justeru itu, pembelajaran peribahasa mampu memupuk minat pelajar untuk menceburi bidang penulisan kreatif dan kesusasteraan Melayu seperti puisi, pantun dan sebagainya.

Unsur-unsur sastera dapat dilihat dalam peribahasa dari segi unsur-unsur irama yang dicipta melalui pemilihan perkataan yang tepat dan maksudnya yang ingin disampaikan. Ini dapat

membuatkan pelajar berpeluang mempelajari Bahasa Malaysia daripada pelbagai sudut.

Peribahasa Melayu memiliki unsur-unsur kesopanan dan ini dapat dilihat menerusi "bunyan" yang mengiringi penyebutan peribahasa yang lembut dan bermelodi (Effendy 2004). Dalam analisis terhadap peribahasa Melayu, Keris Mas (1988) mendapati bahawa susunan kata-kata dalam peribahasa tersusun dalam bentuk yang ringkas, indah, sedap didengar. Antara teknik penciptaan irama yang sedap didengar tatkala menyebut sesuatu peribahasa ialah penggunaan asonansi dan aliterasi. Asonansi adalah perulangan huruf atau bunyi vokal, manakala aliterasi merujuk kepada perulangan huruf atau bunyi konsonan dalam serangkai kata. Sebagai contoh, peribahasa "*Alah bisa tegal biasa*" yang memiliki pengulangan bunyi vokal 'a' dan 'i' yang menjadikan sebutannya seolah-olah berirama.

Selain itu, terdapat juga elemen-elemen sastera seperti metafora atau "*kiasan yang tidak menggunakan 'bagai', 'bak', 'ibarat', 'laksana', 'macam', 'seakan-akan', 'seolah-olah', 'seperti' dan 'umpama'*" (Ainon & Abdullah 2002). Peribahasa, "*pelanduk dua serupa*" (maksud: dua orang yang serupa wajahnya) dalam ayat, "Mereka adalah pelanduk dua serupa" adalah contoh penglibatan metafora di dalam penggunaan peribahasa.

Menurut Asmah (2005), "*metafora mewakili peringkat yang lebih tinggi sedikit dalam proses penciptaan bahasa kiasan, kerana tidak terdapat penanda perbandingan yang nyata seperti 'bagai', 'macam', 'seperti', 'laksana' dan sebagainya.*" Ini bermakna, mempelajari peribahasa melibatkan pemikiran yang tinggi dari segi nilai seni bahasa yang dimilikinya.

Elemen personafikasi juga dapat dilihat wujud di dalam peribahasa. Personafikasi didefinisikan sebagai "*menganggap benda-benda dan idea seolah-olah manusia*" (Ainon & Abdullah 2002). Sebagai contoh, "*harapkan pagar, pagar makan padi.*" Jika ditafsirkan secara *literal*, rangkaian ayat, "*pagar makan padi*" seolah-olah tidak memberi makna yang dapat diterima oleh logik akal, namun peribahasa seperti diterangkan sebelum ini memerlukan penghayatan maksud yang mendalam iaitu tugas guru dianggap 'berat' dalam mengaitkan pagar, sesuatu yang tidak bernyawa dengan perlakuan yang biasanya dilakukan oleh sesuatu yang bernyawa (makan).

Dalam hal ini, pembelajaran peribahasa memerlukan imaginasi yang tinggi dalam kalangan pelajar bagi merefleksikan makna sebenar sesuatu peribahasa itu. Oleh yang demikian, para pelajar dapat dirangsang untuk meningkatkan daya imaginasi bagi memahami sesuatu peribahasa di dalam pembelajaran Bahasa Malaysia secara tidak langsung.

Berdasarkan keunikan peribahasa Melayu, adalah amat penting bagi guru untuk menggunakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di pelbagai peringkat pendidikan. Abdullah (1989) mendapati bahawa peribahasa Melayu yang diajarkan kepada pelajar mampu menambahkan kosa kata seseorang pelajar itu lebih-lebih lagi perkataan yang jarang digunakan dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, peribahasa ialah warisan ketamadunan Melayu yang amat penting dilestarikan kepada rakyat berbilang kaum.

Peribahasa adalah khazanah budaya dan ia adalah sama tua dengan bahasa sesuatu bangsa (Abdullah 1989). Oleh itu, dalam pembelajaran peribahasa mungkin terdapat perkataan-perkataan yang lazimnya jarang digunakan kini tetapi kerap digunakan pada masa dahulu kala oleh masyarakat Melayu, atau juga perkataan-perkataan yang selalunya muncul di dalam karya-karya klasik sahaja. Sebagai contoh, "*malang berlanting buluh pecah*", "*diperlelar timba ke perigi; tidak sekali, sekali pecah*", "*bagai jentayu menanti hujan*", "*adat pulau limburan pasang*" dan sebagainya.

Selain daripada itu, pembelajaran peribahasa turut mencetuskan pembelajaran perkataan-perkataan yang biasa digunakan bersama peribahasa seperti 'ibarat', 'umpama', 'bagai', 'seperti', 'laksana' dan sebagainya. Secara tidak langsung, perbendaharaan kata para pelajar dapat ditingkatkan. Perkataan-perkataan ini adalah penanda wacana yang digunakan di dalam membuat perbandingan yang mungkin berguna di dalam penulisan karangan pelajar.

Biarpun kepentingan penggunaan peribahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu amat penting, sehingga kini tiada analisis komprehensif dilakukan terhadap sejauhmana peribahasa Melayu digunakan untuk pemupukan perpaduan kaum. Kajian perpaduan banyak memberi tumpuan kepada proses interaksi sosial berbanding analisis terhadap sumber.

Justeru, kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada sumber utama iaitu buku teks Bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tema-tema perpaduan menerusi analisis terhadap peribahasa Melayu yang terkandung dalam buku teks Bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5.

METODOLOGI

Analisis terhadap buku teks tingkatan 4 dan 5 dipilih kerana ia merupakan sumber rujukan rasmi yang utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Malaysia adalah mata pelajaran wajib lulus kepada semua pelajar yang mengikuti sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Peribahasa Melayu dianalisis menggunakan teknik bertema yang melibatkan tiga tahap. Pada tahap pertama melibatkan penyenaian peribahasa yang terkandung dalam kedua-dua buku teks. Pada tahap kedua, pentafsiran makna peribahasa.

Akhirnya, pengekodan tema dikenal pasti. Pentafsiran makna dan pengekodan ini dilakukan oleh tiga orang ahli akademik. Ia dilakukan secara bersama dalam mencapai persetujuan bersama tentang maksud dan kesesuaian tema bagi kesemua peribahasa Melayu yang dianalisis. Hal ini bermakna bahawa kesemua tema yang dikemukakan dalam hasil kajian telah dipersetujui secara mutlak oleh tiga pengekodan (100%).

DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap buku teks Bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5 mendapati bahawa terdapat 14 peribahasa Melayu yang mempunyai elemen-elemen perpaduan kaum iaitu: (1) bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat; (2) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; (3) duduk sama rendah, berdiri sama tinggi; (4) bagai aur dengan tebing; (5) indah khabar daripada rupa; (6) bukit sama didaki, lurah sama dituruni; (7) di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung; (8) ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua; (9) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri; (10) kacang lupukan kulit; (11) masuk kandang

kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak; (12) biar mati anak, jangan mati adat.

Kesemua 12 peribahasa yang dikenalpasti itu telah dibuat tafsiran makna dan penentuan tema oleh tiga ahli akademik. Jadual 2 memaparkan tafsiran makna dan tema yang telah dikenal pasti. Secara keseluruhan, konsep perpaduan kaum berdasarkan peribahasa Melayu banyak berkisar kepada kehidupan bermasyarakat yang harmoni. Jadual 2 memaparkan tema dan jumlah peribahasa yang relevan.

Jadual 2: Tema perpaduan dalam peribahasa Melayu berdasarkan buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 dan 5

Bil.	Tema	Jumlah Peribahasa
1.	Adaptasi sosial	4
2.	Muafakat	3
3.	Tanggungjawab	3
4.	Jati diri	2

Hasil analisis menunjukkan bahawa keupayaan masyarakat untuk melakukan adaptasi sosial yang sesuai dengan nilai dan norma adalah mesej utama kepada perpaduan. Kepentingan muafakat, kebersamaan, kerjasama dan tanggungjawab dilihat paling dominan dalam peribahasa Melayu yang dianalisis. Walaupun peribahasa *indah khabar daripada rupa* boleh diterjemahkan dalam pelbagai konteks, penggunaannya dalam memahami keharmonian masyarakat majmuk amat penting dan relevan.

Jadual 2: Konsep perpaduan dalam peribahasa Melayu

Bil.	Peribahasa	Tafsiran makna*	Tema
1	Bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat	Kata sepakat yang dicapai dalam kehidupan bermasyarakat	Muafakat & kebersamaan
2	Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	Bersama-sama dalam mengharungi susah dan senang kehidupan	Muafakat & kebersamaan
3	Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	Tiada kasta atau setiap individu adalah sama darjat	Kesaksamaan
4	Bagai aur dengan tebing	Saling bantu-membantu Antara satu sama lain	Muafakat & kebersamaan
5	Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai	Berani menegakkan kebenaran	Tanggungjawab

6	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni	Perhubungan yang sangat akrab atau kerelaan dalam menharungi susah dan senang secara bersama-sama	Tanggungjawab
7	Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	Mematuhi peraturan setempat	Adaptasi sosial
8	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	Masyarakat menanggung kesilapan yang dilakukan oleh segelintir ahli masyarakat atau kebertanggungjawaban dalam menerima kesilapan ahli masyarakat	Tanggungjawab
9	Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri	Kehidupan di negeri sendiri adalah lebih baik berbanding kehidupan di negara lain	Jati diri
10	Kacang lupukan kulit	Orang yang melupakan asal-usulnya atau orang yang tidak mengenang jasa setelah mendapat pertolongan dan kesenangan	Adaptasi sosial
11	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	Orang yang dapat menyesuaikan diri dengan tempat dan keadaan	Adaptasi sosial
12	Biar mati anak, jangan mati adat	Seseorang yang kuat berpegang pada adat dan budaya	Jati diri

*dari perspektif pengkaji

Jadual 2 memaparkan pemikiran Melayu terhadap usaha pemupukan perpaduan secara berhemah. Umumnya, kesemua peribahasa menekankan kepada kerjasama kolektif, keamanan dan kesejahteraan hidup dalam komuniti sebagai asas kepada keharmonian hidup. Secara amnya, peribahasa ini adalah nasihat masyarakat Melayu tradisi yang disusun secara tertib dan masih utuh untuk dijadikan landasan dalam kehidupan harmoni sehingga kini. Peribahasa *hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri* adalah nasihat dan tersurat dalam masyarakat Melayu terhadap unsur patriotisme dalam kalangan rakyat.

Peribahasa *biar mati anak, jangan mati adat* adalah satu nasihat penting kepada ketaatan terhadap undang-undang. Walaupun jumlah peribahasa berkaitan dengan perpaduan yang terkandung dalam buku teks Bahasa Malaysia tingkatan empat dan lima ini adalah terbatas, ia

adalah kandungan pembelajaran yang relevan dan penting untuk perpaduan.

KESIMPULAN

Peribahasa Melayu adalah warisan Melayu yang merupakan khazanah ilmu dalam memahami pemikiran dan perkembangan ketamadunan Melayu. Dalam konteks memahami proses perpaduan kaum di Malaysia, penelitian terhadap khazanah Melayu berupaya memberi kefahaman yang jelas tentang sikap masyarakat Melayu terhadap kewujudan masyarakat majmuk. Penelitian terhadap peribahasa Melayu juga boleh menemukan kita dengan kefahaman terhadap akal budi Melayu yang digarap secara halus, berlapik dan sopan.

Analisis terhadap peribahasa Melayu terpilih ini telah menzahirkan kehalusan budi pekerti Melayu dalam menterjemah konsep perpaduan serta kritikan terhadap masyarakat majmuk. Memandangkan peribahasa yang dianalisis ini adalah sebahagian daripada kandungan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia sekolah menengah atas, kebijaksanaan guru dalam mengolahnya memungkinkan kejayaan proses pemupukan rasa kebersamaan dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Kebolehan pelajar untuk memahami pemikiran Melayu dan menghayati matlamat perpaduan dalam kerangka tamadun Melayu berupaya menyumbang kepada pengeratan hubungan kaum di sekolah.

Kajian lanjut untuk memahami konsep perpaduan dalam pemikiran Melayu dengan menggunakan sumber yang lebih banyak termasuklah analisis manuskrip sejarah dan sastera amatlah perlu. Ini adalah kerana kajian ini hanya terhad kepada peribahasa Melayu dalam buku teks Bahasa Malaysia menengah atas sahaja. Kajian menyeluruh akan memberi makna perpaduan yang lebih luas, segar dan konkrit.

Oleh kerana jumlah peribahasa berkaitan perpaduan dalam buku teks Bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5 adalah sedikit, maka dicadangkan agar dibuat penambahan peribahasa dalam buku teks baru pada masa depan. Penggunaan kamus peribahasa Melayu digital pertama juga perlu diberi penekanan dalam penggubalan buku teks baru Kementerian Pendidikan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad et al. (2013). The skills of using History textbooks in secondary school. *Asian Social Science*, 9 (12): 229-236.
- Abdullah Hassan. (2002). *Koleksi terindah peribahasa Melayu*. Selangor: Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (1989). Kamus istimewa peribahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2002). *Koleksi terindah peribahasa Melayu*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). (1997). Dimuat turun pada 21 Jun, 2012 dari <http://jpt.mohe.gov.my/RUJUKAN/akta/akta%20pendidikan%201996.pdf>
- Asmah Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. Prosiding Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Keutuhan Budaya.
- Anuar Ahmad. (2009). *Gubal pendidikan perpaduan*. Dimuat turun pada 23 Jun, 2012 dari <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>
- Ariff Mohamad. (2009). Analisis kesesuaian pemilihan teks bagi genre cerpen dan novel komponen sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu. Laporan Penyelidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan. (1992). *Tikaman bahasa*. Dlm. Mohd Adnan Mohd Ariffin. (Eds.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown. C.C., (1989). *Malay sayings*. Singapura: Graham Bash. Distributor Sdn. Bhd.
- Chew Fong Peng. (2009). Pendidikan Sastera perpaduan menerusi Komsastingkatan 4: Pelaksanaan dan kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (2): 15-31.
- Chew Fong Peng. 2003. Peranan sastera kebangsaan dan persepsi dalam pembentukan perpaduan nasional: Satu kajian di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Effendy Ahmadi. (2004). Retorik peribahasa Melayu: Analisis skema dan trope. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*

- (KSSR): *Panduan guru (Bahasa Malaysia (sekolah kebangsaan) tahun 3)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh Boh Boon. (1989). *Pengajaran peribahasa Melayu: Perspektif dalam pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Kim Hui. (2010). How Malay proverbs encode and evaluate emotion? A paremiological analysis. *Sari: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28 (1): 57-81.
- Lukman Z. Mohamad. 2001. Transformasi bentuk bangsa Malaysia dan identiti nasional. Kertas Kerja. Third International Malaysian Studies Conference. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 6-8 Ogos
- Mohd. Mahzan Awang et al. (2014). The images of Japanese army in Malaysian and Indonesian history textbooks. *Journal of Language and Literature*, 5 (3): 37-45.
- Supyan Hussin, Ding Choo Ming, Afendi Hamat & Arba'eyah Abdul Rahman. (2004) Kamus peribahasa Melayu digital yang pertama. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 22: 49-61.
- Zainal Abidin Ahmad (2002). *Ilmu mengarang Melayu*/Zainal Abidin Ahmad (Za'ba): *Pengenalan* oleh Asmah Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (3): 31-51.
- Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam & Afendi Hamat. (2011). Sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap penggunaan buku teks Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 17-30.